

Tak kisah bawa bekas sendiri

Penduduk ikut saranan MDKL, bawa bekas makanan ke majlis jamuan hari raya PBT itu

BANTING - Inisiatif Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) melaksanakan kempen menggalakkan penggunaan bahan boleh dikitar semula melalui pengurusan majlis Aidilfitri mendapat sambutan positif.

Pengunjung, Nor Asiah Muhammad, 39, berkata, dia tidak segan membawa bekas diri selepas mendapat makluman tersebut, sekali gus menganggap ia sebagai satu kelebihan sambutan raya untuk tahun ini.

"Langkah ini sebenarnya bagus, sebab jika dipraktikkan, makanan tak dibazirkan dan pengunjung berpeluang bawa makanan yang tak ha-

bis pulang.

"Tapi janganlah kita datang majlis rumah terbuka, kita bungkus untuk makan seisi keluarga pulah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi peniaga, Ng Siew Kim, 40, dia mewakili bapanya hadir sebagai pelanggan MDKL.

Katanya, dia terkejut apabila melihat pengunjung makan menggunakan bekas atau pinggan yang dibawa.

"Saya datang tak bawa pinggan, jadi saya belilah pinggan dan sudu yang turut dijual. Saya tak kisah sebab ini adalah usaha untuk elak pencemaran," katanya.



Pengunjung dilihat membawa bekas makanan sendiri pada jamuan hari raya MDKL.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, beliau bangga apabila melihat

pengunjung menyahut seruan itu dan kebanyakannya tetamu yang hadir, membawa peralatan (set pinggan, cawan dan sudu plastik) juga dibuka

cawan sendiri.

"Walaupun gerai jualan peralatan (set pinggan, cawan dan sudu plastik) juga dibuka

bagi kemudahan orang ramai, namun saya nampak mereka bawa bekas sendiri.

"Usaha ini saya lihat berjaya dan saya sendiri sempat beramah mesra dengan tetamu," katanya yang seronok melihat sambutan tetamu yang menggalakkan.

Mohd Azhar ketika bertemu berkata, kempen galakan seperti ini bakal diperkenalkan dalam pelbagai aktiviti lain selepas ini.

Katanya, sebelum ini kempen tanpa beg plastik juga pernah dijalankan di bazar Ramadhan bagi menggalakkan penggunaan bahan kitar semula.

MPP Zon 21 minta polis ronda lebih kerap

BANTING - Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 21, memohon pihak berkuasa mengadakan rondaan lebih kerap di kawasan Taman Baiduri selepas berlakunya kes pecah rumah.

Pengerusinya, Thomas Lim berkata, beliau menerima aduan memaklumkan terdapat kes pecah rumah berlaku setiap kali waktu tengah hari termasuk ketika solat Jumat.

Beliau difahamkan kekerapan kes pecah rumah di Taman Baiduri itu pula berlaku kira-kira dua bulan sekali.

"Saya harap pihak polis ambil perhatian dan tambah anggota untuk ronda di kawasan tersebut.

"Selain itu, saya bimbang jika kes pecah rumah pada waktu itu berlanjutan ke kawasan lain," katanya.

Thomas yang hadir pada majlis jamuan raya perumahan berkenaan turut menasihati penduduk supaya ambil peduli hal jiran bagi mengelak kejadian tidak dingini berlaku.

Katanya, beliau faham masyarakat sibuk dengan urusan kerja dan tidak perasan apa yang berlaku di rumah jiran.

"Kita juga harap persatuan penduduk prihatin dengan isu setempat supaya dapat dipanjangkan kepada pihak bertanggungjawab," katanya.



Thomas (tengah) ketika menghadiri majlis jamuan hari raya Taman Baiduri.

Permohonan masuk tabika perpaduan masih dibuka



Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Langat harap ibu bapa tidak lepas peluang hantar anak ke tabika.

BANTING - Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Langat masih menerima permohonan kemasukan tabika perpaduan sehingga 31 Ogos ini.

Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat, Ibrahim Abdullah berkata, ibu bapa sebenarnya sudah mula menghantar orang per Mohonan sejak 30 April lalu dan kini pihaknya dalam proses menerima permohonan yang ada.

Menurutnya, Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Langat mempunyai 13 buah tabika perpaduan dengan yuran bulanan RM10.

"Saya bersyukur sambutan biasanya melebihi kuota namun perlu ditapis bagi memberi ruang

kepada mereka yang layak.

"Kebiasaannya, pendaftaran bermula seminggu sebelum buka sekolah awal tahun, jadi kita nak tengok ibu bapa peka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ibrahim berkata, beliau mahu masyarakat memberi sokongan terhadap kemajuan Jabatan Perpaduan dalam melahirkan generasi kanak-kanak yang aktif.

Katanya, beliau nampak anak tabika mula berminal dengan pendidikan pada usia muda sekali gus pihak jabatan berusaha meningkatkan sistem pendidikan yang ada.

"Saya harap sangat permohonan untuk kemasukan anak-anak tabika terus menjadi pilihan masyarakat," katanya.